

AJK kolej melalui saringan ketat, pilih calon terbaik

← Dari V27

Sejauh manakah peranan ahli jawatankuasa kolej kediaman dalam menjalankan tugas dan adakah mereka mampu dilatih menjadi seorang pemimpin?

Menjawab persoalan itu, Pengerusi Jemaah Pengetua Kolej-kolej Kediaman Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Sidek Ab Aziz, berkata pada setiap hujung sesi pengajian, pihak kolej akan menganjurkan kem kepemimpinan yang terbuka kepada semua pelajar.

Selepas ditemu duga, beliau berkata, hanya 70 mahasiswa sahaja yang akan dipilih untuk menyertai kem berkenaan selama dua hingga tiga minggu bermula dengan aktiviti di kampus sehinggalah berakhir di luar kampus.

“Pelbagai segmen diadakan bagi mencungkil bakat kepemimpinan pelajar, termasuk sudut komunikasi, kerja berkumpulan, aktiviti dalam kumpulan (LDK), ceramah kepemimpinan, pembinaan

dan pembangunan sahsiah serta jati diri pemimpin muda.

“Fasilitator yang terdiri daripada felo kolej dan dibantu oleh ahli Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) iaitu ahli jawatankuasa pelajar kolej kediaman akan menyaring calon sebelum ke sesi temu duga yang turut dihadiri oleh pengetua untuk memilih seramai 30 pelajar menganggotai MTM,” katanya.

Bagi memantapkan sifat kepemimpinan dalam diri MTM, Prof Sidek berkata, mahasiswa harus menganjurkan aktiviti berdasarkan idea dan perancangan sendiri bagi membolehkan bakat mereka diketengahkan.

Cadangan pelajar

“Pelbagai aktiviti dianjurkan bagi mendedahkan dan mengaplikasikan pengalaman kepemimpinan mereka menerusi kerjasama ahli jawatankuasa program yang dibentuk, komunikasi bersama pihak luar, penjanan pendapatan menerusi aktiviti keusahawanan dan sebagainya,” katanya.




Prof Dr Sidek Ab Aziz

Sementara itu, Pengetua Kolej Za’ba Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Mohd Zahuri Khairani, berkata pemilihan Majlis Mahasiswa Kolej (MMK) di UPSI berdasarkan cadangan daripada pelajar sebelum ditemu duga.

Beliau berkata, pemilihan itu akan membantu pengetua, pegawai kolej, felo dan pemimpin pelajar di kolej untuk melahirkan generasi pemimpin secara kolaboratif antara pihak pentadbir dengan mahasiswa.

“Setiap exco diberi peluang menjadi pengarah program,



Dr Mohd Zahuri Khairani

terutama yang berimpak tinggi dan tiada stratifikasi yang diberikan, hanya kepada MMK untuk menerajui program yang dirancang.

“Setiap portfolio dalam MMK ditapis sebaik mungkin sebelum dipilih menjadi sekretariat mahasiswa dan semuanya mempunyai peluang yang sama untuk menonjolkan bakat kepemimpinan, sekali gus bersesuaian dengan kebitaraan UPSI iaitu pelajar dan warga universiti cemerlang bersama,” katanya.

Selain itu, akhlak dan akademik amat dititikberatkan oleh UPSI melalui pelbagai

program pada peringkat kolej, universiti, negeri, kebangsaan serta antarabangsa yang bersifat menyeluruh dalam pembangunan psikomotor dan afektif.

Aset penting

Mohd Zahuri berkata, MMK yang dilantik ialah calon pemimpin terbaik kerana mereka adalah golongan pelaksana setiap program yang dijalankan.

“Melalui pembabitan ini, ia akan melahirkan generasi pemimpin yang berwibawa dan berkaliber tinggi sebagai aset penting serta tonggak pertumbuhan negara pada masa akan datang,” katanya.

Pengetua Kolej Kediaman Raja Dr Nazrin Shah (KK12), Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Nahrizul Adib Kadri, berkata Jawatankuasa Tindakan Kolej (JTK) yang dilantik bagi menjadi ahli jawatankuasa kolej kediaman akan mengikuti kursus kepemimpinan dan pengurusan program bagi memberi pendedahan kepada kaedah serta tatacara memimpin

sesebuah organisasi.

Secara tidak langsung, beliau berkata, mereka turut diberi peluang untuk dilantik sebagai pengarah atau ahli majlis tertinggi program pada peringkat kolej kediaman dan universiti.

Katanya, peluang itu mampu menambah nilai mereka sebagai pemimpin kerana mempunyai akses langsung kepada pengetua dan felo penasihat dalam mendapatkan idea serta bertukar pendapat.

“Secara peribadi saya percaya penerapan nilai kepimpinan ini akan lebih berjaya apabila tanggungjawab diberi secara langsung kepada mereka, sama ada dalam bentuk jawatan pengarah program, mahupun sebagai orang kepercayaan (person in charge) dalam sesuatu program atau aktiviti.

“Pemberian tanggungjawab sebegini akan memataangkan mereka dalam membuat sesuatu keputusan dan sifat keberanian ini ialah satu keperluan asas dalam menjadi pemimpin,” katanya.